

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN ISMAIL  
[JELEBU]**

**TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) sejauh mana Kerajaan telah melaksanakan hukum Islam dan mengamalkan prinsip-prinsipnya di dalam sistem perundangan negara pada ketika ini; dan
- (b) halangan dan permasalahan yang dihadapi bagi menterjemahkannya serta nyatakan usaha-usaha yang sedang diambil bagi menyempurnakan sistem perundangan Islam sepenuhnya.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif dalam melaksanakan hukum Islam dan mengamalkan prinsip-prinsipnya (*maqasid Syariah*) di dalam sistem perundangan negara selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Dalam merealisasikan usaha tersebut, Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil telah ditubuhkan pada tahun 1988 bagi menggubal, meneliti dan menyemak undang-undang Islam bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman.

Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil sentiasa memberi pandangan kepada Kerajaan terhadap isu-isu yang berbangkit yang menyentuh undang-undang Islam di Malaysia. Dalam melaksanakan peranan dan fungsi yang diamanahkan, Jawatankuasa ini sentiasa membuat kajian dan penyelidikan dalam menyelesaikan sesuatu isu yang berbangkit berdasarkan Hukum Syarak, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuatkuasa.

Dengan adanya jawatankuasa ini, Kerajaan telah berjaya menambahbaik undang-undang yang sedia ada dengan

mencadangkan pindaan-pindaan yang relevan dan sesuai agar menepati kehendak Hukum Syarak. Antara kejayaan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) Menyelesaikan masalah atau konflik undang-undang yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan melalui pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan, dengan mewujudkan Perkara 121(1A) yang memberi kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah tanpa campurtangan daripada Mahkamah Sivil dan pindaan kepada Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan tentang kuasa penahanan dan penangkapan oleh Hakim Syarie sebagaimana kuasa Majistret (1988);
- (ii) Mewujudkan dan menyeragamkan undang-undang Islam seluruh negeri iaitu :
  - (a) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
  - (b) Undang-Undang Keluarga Islam;
  - (c) Undang-Undang Tatacara Mal;
  - (d) Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah; dan
  - (e) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah;.
- (iii) Membuat pindaan kepada Kanun Tanah Negara dengan memasukkan peruntukan mengenai Mahkamah Syariah dalam usaha mengharmonikan undang-undang Syariah dan Sivil iaitu Seksyen 421A Kanun Tanah Negara.

- (iv) Kerajaan juga dalam proses menggubal beberapa undang-undang Islam yang baru antaranya ialah undang-undang zakat, faraid, wasiat, wakaf, hibah dan lain-lain.
- (b) Berhubung dengan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menyempurnakan sistem perundangan Islam sepenuhnya, Kerajaan mengambil **pendekatan secara bertahap** bagi memastikan undang-undang jenayah Syariah dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Dalam hal ini, Kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] yang menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut. Menerusi pindaan yang dicadangkan, **had bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman perlu diperluaskan dan dipertingkatkan sesuai dengan maqasid Syariah.**

Dalam masa yang sama, Kerajaan juga terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan **menaik taraf sistem kehakiman Syariah** di negara ini.

Mahkamah Syariah akan dinaik taraf daripada tiga (3) peringkat mahkamah kepada lima (5) peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf. Komitmen Kerajaan dalam hal ini adalah jelas dan ia memerlukan sokongan padu dari semua pihak bagi memastikan usaha ini dapat dijayakan.

Sekian, terima kasih.